

12 OCT 1999

PM-PENGGABUNGAN BANK

BANK DIBENAR PUTUSKAN BANK UTAMA, KATA DR MAHATHIR

KLANG, 12 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyatakan bank-bank akan dibenarkan memutuskan sendiri bagi bank-bank utama atau teraju di bawah program penggabungan Bank Negara Malaysia.

"Saya berharap mereka akan dapat memutuskannya secepat mungkin," katanya kepada pemberita di perasmian perhimpunan agung tahunan ke-53 Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia (ACCCIM), di sini.

Dr Mahathir berkata Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) telah memutuskan untuk mengkaji semula jumlah bank-bank teraju dan tidak akan menggesa program penggabungan itu dilaksanakan dengan segera.

"Kita tidak mahu tergesa-gesa dalam perkara ini walaupun penasihat-penasihat asing bebas mendesak kita melaksanakannya dengan segera," katanya.

Mengenai Memorandum Persefahaman (MoU) yang dimeterai oleh pelbagai institusi kewangan bagi penggabungan itu, beliau berkata "saya harap mereka akan menunaikan apa yang telah diusahakan."

Dr Mahathir berkata kerajaan tidak akan terlalu bertegas mengenai jumlah bank-bank utama, sambil menambah "enam mungkin sesuai jika semua orang bersetuju."

Bercakap di persidangan akhbar kemudiannya, beliau berkata MTEN, yang memperlihatkan sikap bertolak ansur, telah memutuskan untuk mengkaji semula program penggabungan berikutan bantahan terhadap jumlah yang dihadkan hanya kepada enam serta bank-bank yang dipilih untuk mengetuai penggabungan itu.

Enam bank teraju itu adalah Malayan Banking Bhd, Multi Purpose Bank, Bumiputra-Commerce Bank Bhd, Perwira Affin Bank Bhd, Public Bank Bhd dan Southern Bank Bhd.

Beliau menjelaskan pihak berkuasa pada awalnya memutuskan enam bank itu sebagai teraju untuk mendapatkan maklum balas daripada komuniti perbankan dan menyedarkan mereka terhadap gesaan untuk penggabungan.

Dr Mahathir berpuas hati kerana program penggabungan itu telah menyedarkan institusi perbankan akan keperluan untuk penggabungan sebagai persediaan bagi persaingan dengan bank-bank asing apabila pasaran dibuka kelak.

"Terdapat komitmen bagi penggabungan sekarang, berbanding dengan tiada langsung sebelum ini," Katanya yang merujuk kepada Memorandum Persefahaman (MOU) yang dimeterai oleh bank-bank.

Walaupun kerajaan berhasrat untuk mengurangkan jumlah institusi kewangan tempatan daripada jumlah 58 ketika ini, Dr Mahathir berkata MTEN memutuskan untuk tidak terlalu mendesak bagi program penggabungan kerana "jika kita terlalu mendesak ia tidak memberi kesan yang baik kepada ekonomi."

MTEN, tambahnya tidak mahu memutuskan bagi sesuatu perkara yang akan menjejaskan keyakinan industri bank perbankan kerana kehilangan keyakinan dalam sektor ini mungkin akan melemahkan bank-bank.

Dalam menggesa bank-bank agar mematuhi tarikh akhir penggabungan itu, Dr Mahathir berkata jika atas alasan-alasan tertentu bank-bank tidak dapat mematuhinya, pihak berkuasa tidak akan "memaksa mereka".

Tarikh akhir yang ditetapkan bagi penyediaan kajian terperinci adalah pada 15 Nov, 1999, permeterian perjanjian penjualan dan pembelian pada 31 Dis, 1999 dan 29 Feb tahun depan adalah bagi mendapatkan kelulusan daripada

pihak berkuasa kawal selia dan pemegang saham.

Institusi diberi masa sehingga 1 April, 2000 untuk memulakan perniagaan sebagai entiti penggabungan.

Pihak berkuasa tidak perlu terlalu tegas dengan tarikh akhir yang ditetapkan, katanya, sambil menambah institusi kewangan mempunyai waktu sehingga tahun depan untuk memutuskan bagaimana melaksanakan program penggabungan.

Dr Mahathir berkata kerajaan menerima sebarang cadangan dan akan menyerahkan kepada bank mengenai bagaimana untuk bergabung di antara mereka tetapi "jika mereka tidak dapat memutuskannya, kerajaan akan membuat keputusan untuk mereka."

Beliau menambah, selain daripada menukarkan bank-bank tempatan kepada institusi perbankan yang lebih besar dan kukuh, rasional lain bagi penggabungan itu adalah untuk menjadikan mereka sebagai bank kebangsaan dan "bukan Bank Sabah, Bank Sarawak, Bank Perlis dan lain-lain."

Apabila ditanya sama ada institusi kewangan akan diberikan kebebasan dalam proses penggabungan, beliau berkata jika komuniti perbankan mempunyai alasan kukuh untuk tidak menerima penyusunan kerajaan, mereka seharusnya memaklumkan kepada pihak berkuasa berkaitan.

"Jika mereka menolak penyusunan kerajaan, mereka mestilah memberikan alasan kukuh mengapa mereka tidak boleh menerimanya," tegas Dr Mahathir.

Terdahulu dalam ucapan pembukaannya Dr Mahathir berkata dengan keadaan di mana kekeliruan terhadap proses penggabungan sudah berakhir, bank-bank sepatutnya kini boleh berfungsi dengan lebih baik daripada segi peruntukan pinjaman.

Beliau berkata terdapat banyak aduan mengenai keengganan bank-bank untuk memberi pinjaman berikutan ketidakpastian terhadap program penggabungan mengenai sama ada ia akan diteruskan dan bank mana yang akan menjadi bank teraju.

"Kita perlukan mereka untuk membuat pinjaman agar mereka boleh membantu dengan proses pemulihan ekonomi," tambahnya.

-- BERNAMA

AD ZK